

Mangsa keadaan

■ Budak nak ke masjid cedera mata dibaling mercun bola

HARIAN METRO 08/06/2018 M/S 06

Noruzuan Shamsuddin
noruzuan@hmetro.com.my

Petaling Jaya

“**A**nak saya menerima 11 jahitan pada mata kiri akibat terkena serpihan mercun bom yang dibaling oleh kanak-kanak lain ketika dia dalam perjalanan ke surau untuk menunaikan solat sunat Tarawih.

“Kejadian menyebabkan mata kiri anak terjejas, paling merisaukan saya anak berkemungkinan buta,” kata Mohd Rizal Muhd Jawat, 40, bapa kepada kanak-kanak mangsa mercun Muhammad Noh Syawal, 7.

Terdahulu, dalam kejadian berhampiran surau di sebuah pangsapuri di Desa Mentari di sini, jam 9 malam, Ahad lalu, anak sulungnya itu dipercayai tidak menyedari kumpulan kanak-kanak sedang bermain berhampiran melontarkan mercun bom ke arahnya.

Menurut Rizal, sewaktu kejadian dia berada di rumah di tingkat lima bangunan berkenaan dan hanya me-

MOHAMMAD Noh Syawal menerima 11 jahitan di mata selepas terkena serpihan mercun bom.



ngetahui insiden menimpa Muhammad Noh selepas di maklumkan jemaah surau.

“Saya bergegas ke surau dan ketika sampai saya melihat Mohammad Noh menangis, lebih mencemaskan anak matanya berdarah lalu saya bawa dia ke Hospital Shah Alam untuk mendapatkan rawatan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohd Rizal berkata, ibu bapa kanak-kanak membaling mercun bom berkenaan sudah dikenal pasti malah mereka juga sudah tampil memohon maaf.

“Mereka turut bersetuju menampung kos pembedahan anak yang dianggarkan berjumlah RM5,000.”

“Selepas ini anak juga perlu menjalani rawatan dan pemeriksaan lanjut kerana penglihatannya terjejas. Sudah pasti untuk mengembalikan penglihatannya memerlukan kos tinggi dan kami tidak mampu,” katanya.

Jelasnya, pihaknya belum sempat membuat laporan polis berhubung kejadian kerana pada masa itu Muhammad Noh di hospital, manakala isterinya pula menjaga dua anak kecil.

Empat jari hancur mercun bola meletup

Kota Bharu: Seorang pelajar tingkatan satu hancur empat jari kiri akibat bermain mercun bola dalam kejadian di Kampung Paya Bemban di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 7.30 malam itu, mangsa, Mohamad Zulhakimi Mohd Husain, 13, sempat meminta tolong daripada jirannya supaya menghantar dia ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini.

Difahami kejadian itu berlaku apabila mangsa tidak sempat melemparkan mercun bola yang dicucuhnya itu tiba-tiba meletup.

Mohamad Zulhakimi adalah mangsa kedua akibat bermain mercun di negeri ini.

Ibu mangsa, Rosmazili Nek Ismail, 36, berkata, ketika kejadian dia sekeluarga baru

selesai berbuka puasa.

"Secara tiba-tiba jiran datang ke rumah memberitahu Mohamad Zulhakimi cedera selepas bermain mercun bola yang terletak 500 meter dari rumah.

"Sebaik tiba, anak sulung saya itu sudah pun dibawa ke HRPZ II untuk mendapatkan rawatan.

"Saya kemudian ke hospital untuk melihat keadaannya dan dia sudah menjalani pembedahan bermula jam 10 pagi tadi (semalam)," katanya ketika ditemui di HRPZ II di sini, semalam.

Pada Selasa lalu, seorang pelajar tingkatan dua buta mata sebelah kanan dan hancur lima jari kiri serta satu jari telunjuk kanan selepas belerang mercun bola diletakkan dalam botol kaca meletup atas bara api di Kampung Panii di sini.

MOHAMAD Zulhakimi
cedera parah di tangan
akibat bermain mercun.



FAKTA
Mohammad
Zulhakimi
mangsa kedua
bermain mercun
di Kelantan